

2- Bab: Azan Itu (Kalimat-Kalimatnya Disebutkan) Dua-Dua Kali.¹¹⁵⁰

azan itu tidaklah berlandaskan semata-mata kepada mimpi beliau. Ia dibenarkan dan disahkan dengan sabda Rasulullah s.a.w. juga di dalam hadits Tirmizi tadi. Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda: إِنَّ هَذِهِ لَرُؤْيَا حَقٍّ (Sesungguhnya ini mimpi benar)? Kenyataan dan pengesahan Rasulullah s.a.w. inilah yang menjadi punca kepada pensyari'atan azan. (2) Azan sebenarnya telah disyari'atkan melalui wahyu kepada Rasulullah s.a.w. sendiri. 'Ubaid bin 'Umair meriwayatkan, apabila 'Umar menceritakan mimpinya mendengar azan seperti 'Abdullah bin Zaid, Rasulullah s.a.w. lantas bersabda: قَدْ سَبَقَكَ بِذَلِكَ الْوَحْيُ Bermaksud: Sesungguhnya wahyu telah mendahuluiimu dalam perkara ini. (Lihat Maraasiil Abi Daud j.1 m/s 81 dan Mushannaf 'Abdir Razzaaq j.1 m/s 456).

¹¹⁵⁰ Ada dua maksud Bukhari mengadakan tajuk bab ini; (1) Untuk menolak pendapat golongan yang mengatakan ada tarji' dalam azan. Tarji' ialah menyebutkan dengan perlahan kalimat penyaksian terhadap 'aqidah tauhid (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dan kalimat penyaksian terhadap kerasulan Muhammad (أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) sebanyak dua-dua kali sebelum melaungkannya dengan suara yang keras. Kerana dengan adanya tarji', bererti dua kalimah syahadah itu bukan disebutkan dua-dua kali, tetapi empat kali. Itulah maksud Bukhari mengatakan مَثْنِي مَثْنِي (dua-dua kali). Antara tokoh 'ulama' mujtahidin yang berpendapat ada tarji' dalam azan ialah Malik dan Syafi'e r.a. Perbedaan 'ulama' tentang tarji' hanyalah dalam afdhaliyyahnya sahaja, bukan dalam keharusannya. (2) Mentafsirkan perkataan يَشْفَعُ yang tersebut di dalam hadits 605 dan 606 yang dikemukakan di bawah bab ini. Kerana mengumandangkan kalimat azan dengan genap mungkin juga difahami lebih dari dua kali, seperti empat kali, enam kali dan seterusnya. Jadi tajuk bab ini merupakan tarjamah syarihah yang mentafsirkan perkataan يَشْفَعُ dengan genap dua-dua kali setiap satu dari ucapannya. Kecuali takbir di permulaan dan kalimah tauhid di penghujungnya, kerana takbir di permulaan azan diulangi sebanyak empat kali dan kalimah tauhid di akhir azan pula diucapkan hanya sekali sahaja. Demikianlah tersebut dalam kebanyakan hadits, khususnya hadits 'Abdullah bin Zaid bin 'Abdi Rabbih. Kesimpulan kilaf para 'ulama' tentang kalimat azan adalah seperti berikut: (1) Menurut Abu Hanifah dan Ahmad, kalimat azan (selain Subuh) ada 15 kesemuanya. Ucapan takbir (الله أكبر) di permulaan azan sebanyak 4 kali. Ucapan kesaksian terhadap 'aqidah tauhid (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dan kerasulan Muhammad (أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) masing-masingnya sebanyak dua-dua kali tanpa tarji'. Ucapan hai'alah (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) dan (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ), masing-masing daripadanya dua-dua kali. Ucapan takbir di akhir azan sebanyak 2 kali dan akhir sekali ucapan (لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) satu kali. (2) Menurut as-Syafi'e, ada 19 kalimat kesemuanya. 4 kali ucapan takbir di permulaan azan. Ucapan kesaksian terhadap 'aqidah tauhid dan kerasulan Muhammad, masing-masingnya sebanyak empat kali dengan tarji'. Yang lain-lain sama seperti pendapat golongan pertama tadi. (3) Menurut Malik, ada 17 kesemuanya. Selain takbir di permulaan azan hanya sebanyak 2 kali sahaja, bukan 4 kali. Yang lain-lain semuanya sama seperti pendapat Syafi'e. Pegangan Abu Hanifah dan Ahmad dalam masalah ini ialah: (1) Hadits 'Abdullah bin Zaid yang bermimpi diajar seseorang kalimat-kalimat azan kepadanya. Ia dapat dilihat di bawah nota: ¹¹⁵⁰ yang lalu. Jumlah kalimatnya 15. (2) Atsar Ibnu 'Umar. Kata beliau: إِنَّمَا

٦٠٥ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ سَمَاقِ بْنِ عَطِيَّةَ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ قَالَ

أُمِرَ بِلَالٌ أَنْ يَشْفَعَ الْأَذَانَ وَأَنْ يُوتَرَ الْإِقَامَةَ إِلَّا الْإِقَامَةَ

605- Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Simaak bin 'Athiyyah daripada Ayyub daripada Abi Qilaabah daripada Anas, katanya: "Bilal diperintahkan agar mengumandangkan kalimat azan dengan genap (dua-dua kali) dan mengganjilkan iqamat, kecuali kalimat iqamat (Qad qaamatish shalah)."¹¹⁵¹

Bermaksud: Azan di zaman Rasulullah s.a.w. (kalimat-kalimatnya diucapkan) dua-dua kali. (Hadits riwayat Abu Daud, Nasaa'i dan lain-lain). Syafi'e berpegang dengan hadits Abi Mahzurah. Beliau diajar oleh Rasulullah supaya menyebutkan dua kali kalimat syahadah yang pertama dengan perlahan terlebih dahulu sebelum menyebutnya dengan suara yang keras, juga sebanyak dua kali. Demikian juga kalimat syahadah yang kedua. Malik juga berpegang dengan hadits Abi Mahzurah, tetapi beliau memilih riwayatnya yang menyebutkan takbir di permulaan azan sebanyak dua kali, bukan empat kali. Soal pernahkah Rasulullah s.a.w. sendiri melaungkan azan dan iqamat, para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. As-Suhaili dan an-Nawawi menulis bahawa pernah sekali semasa dalam perjalanan, Rasulullah s.a.w. melaungkan azan dan iqamat sendiri. Baginda juga menjadi imam kepada para sahabat dalam keadaan berada di atas kenderaan, disebabkan hujan yang berterusan dan tanah pula berselut dan berlumpur. Hadits tentangnya dikemukakan oleh Tirmizi di bawah باب مَا جَاءَ فِي الصَّلَاةِ عَلَى الدَّابَّةِ فِي الطَّيْنِ وَالْمَطَرِ melalui saluran riwayat 'Umar bin ar-Rammaah al-Balkhi. An-Nawawi menguatkan hadits ini, tetapi Hafiz Ibnu Hajar pula mengkritiknya. Imam Tirmizi sendiri menghukum hadits ini sebagai gharib (dha'if). Menurut Hafiz Ibnu Hajar, an-Nawawi telah terkeliru. Sebenarnya hadits Tirmizi itu adalah hadits ringkas. Imam Ahmad dengan isnad yang sama meriwayatkan hadits itu. Tetapi di dalamnya tersebut: فَأَمَرَ الْمُؤَدِّنَ فَأَذَّنَ وَأَقَامَ (maka Baginda menyuruh mu'azzin melaungkan azan dan iqamat). Hadits Ahmad ini tidak menunjukkan Nabi s.a.w. sendiri telah melaungkan azan dan iqamat dalam peristiwa itu. Baihaqi, 'Uqaili dan kebanyakan 'ulama' hadits bagaimanapun mendha'ifkan hadits ini. Selain 'Umar bin ar-Rammaah, seorang perawi dha'if terdapat di dalam isnadnya. Ibnu al-Qatthaan mengatakan 'Amar dan ayahnya 'Utsman adalah dua orang perawi majhul.

¹¹⁵¹ Mengganjilkan iqamat bererti menyebutkan setiap kalimatnya sekali-sekali sahaja, kecuali kalimat iqamat iaitu 'Qad qaamatish shalah'. Kerana kalimat ini disebutkan dua kali. Para 'ulama' juga berbeda pendapat tentang bilangan kalimat iqamat. (1) Menurut Abu Hanifah, bilangannya adalah sebanyak 17 kalimat. (2) Syafi'e dan Ahmad berpendapat, 11 kalimat. قد قامت الصلاة 2 kali. Takbir di awal dan di akhir dua-dua kali. Adapun selainnya, semuanya hanya sekali-sekali sahaja. (3) Menurut Malik, hanya 10 kalimat sahaja. Baginya, قد قامت الصلاة juga diucapkan sekali sahaja. Yang lain-lain sama seperti Syafi'e dan Ahmad. Pendapat Imam Bukhari dalam masalah ini sama seperti Syafi'e dan Ahmad. Antara pegangan Abu Hanifah dalam masalah ini ialah: (1) Hadits 'Abdullah bin Zaid. Kata beliau: كَانَ أَذَانُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَفْعًا شَفْعًا فِي الْأَذَانِ